

02/06/2002

Pertemuan Perdana Menteri-Pope bawa kesan positif

Azran Jaffar

PERTEMUAN di antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Pope John Paul II dilihat sebagai satu langkah besar dalam memperbaiki imej Islam dan hubungan sesama manusia. Apakah kelebihan yang ada pada pemimpin Melayu beragama Islam ini sehinggakan pemimpin Roman Katolik yang nama sebenarnya Karol Jozef Wojtyla mahu mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri. Wartawan Berita Minggu, AZRAN JAFFAR menemu bual Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin untuk memperkatakan perkara ini.

PERDANA Menteri pada pertengahan minggu ini, berkata anggota Kabinet bersetuju berhubung pertemuan di antara beliau dan Pope John Paul II. Apakah pandangan mereka mengenai pertemuan itu?

Seperti yang saya jangkakan, apabila timbul isu jemputan daripada Pope John Paul II, saya telah buat komen bahawa lawatan itu amat tepat dan bermakna sekali. Pertama, ia adalah atas undangan dan kita wajar menerima undangan yang amat berpatutan yang mana orang lain ingin tahu pandangan kita mengenai pelbagai perkara terutama isu semasa. Seperti yang dijangkakan, bahawa Kabinet apabila Perdana Menteri membentangkannya pada mesyuarat mingguan itu, tidak membantah malah merestui pemergian ke Vatican City. Kita asaskan restu terhadap pemergian itu atas pelbagai perkara. Banyak faktor yang harus kita renungkan.

Pertama sekali ialah yang mengundang, iaitu Pope John Paul II. Beliau pada masa ini adalah ketua Roman Katolik dan kita ketahui bahawa penganut Roman Katolik pada masa ini adalah sekitar satu bilion. Ini adalah pihak yang mengundang.

Bagi pihak yang diundang - Perdana Menteri - kita tahu bahawa undangan ini adalah kerana Pope John Paul II berasakan atau beliau yakin bahawa amat tepat Perdana Menteri diundang. Bukan kerana Dr Mahathir semata atau rakyat Malaysia semata. Tetapi beliau memandang lebih jauh daripada itu, bahawa dalam dunia Islam hari ini yang bilangannya menjangkau 1.3 bilion, adalah penganut agama terbesar dan Dr Mahathir boleh dianggap sebagai mewakili penganut Islam.

Sekarang ini akan berhadapan seorang ketua Roman Katolik dengan seorang pemimpin Islam dan wajar semua pihak di Malaysia tanpa mengira batasan agama dan politik berasa penghormatan ini.

Itulah sebenarnya mengapa Kabinet tidak teragak-agak dan ragu-ragu akan pemergian itu.

Pandangan peribadi Datuk sendiri terhadap pertemuan itu?

Kita harus ingat bahawa banyak perkara yang kita boleh dapat faedah daripada pertemuan itu. Semestinya kedua-dua pihak dapat faedah sama ada orang Kristian atau Islam. Pertama, kita harus merenung realiti sekarang terutama yang berlaku akhir-akhir ini, terutama selepas kejadian 11 September. Kita sedar bahawa imej Islam sedikit sebanyak terjejas. Orang Islam dikategorikan sebagai ganas malah seperti menjadi alahan kepada masyarakat Barat apabila disebut nama-nama Islam misalnya, Abdul Hamid Zainal Abidin, Hassan Muhammad, maka nama-nama ini seolah dijangka. Ini adalah keadaan yang tidak menyebelahi kita dan mengatakan kepada kita bahawa Islam disalah anggap, menyebabkan buruk sangat imej Islam di kalangan masyarakat antarabangsa.

Apabila Pope John Paul II mengundang Perdana Menteri, yang mana sebelum ini beliau turut mengadakan pertemuan dengan Presiden George W Bush, maka ini bagi saya adalah peluang keemasan. Kalau kita tersorong-sorong susah

sikit, orang tak ajak, orang tak panggil. Tahap kita bukan di situ. Tahap kita ialah diundang dan dijemput oleh banyak pihak - kuasa besar, Bush, Tony Blair dan sekarang pemimpin agama. Ini adalah peluang yang tak harus dilepaskan. Ia adalah ruang dan peluang yang harus digunakan supaya kita dapat menyatakan sesuatu kepada mereka.

Kita lihat pertemuan ini adalah kesan daripada kejadian 11 September, jadi apakah kelebihan Perdana Menteri sebagai seorang pemimpin Melayu yang beragama Islam?

Kita mesti lihat bahawa orang tak akan pandang kita, tak akan perhatikan kita, tak akan hairan kepada kita kalau tidak ada sesuatu yang ada pada kita. Dunia begitu, kalau kita merempat, tak ada daya upaya, tak ada ilmu, kalau tidak ada kemahiran, tak ada kepandaian, siapa yang nak memerhatikan kita di dunia yang canggih ini. Jadi, inilah persoalannya. Mengapa orang perhatikan kita, mengapa orang mengambil berat mengenai kita. Apabila timbul isu dunia orang sudah pandang siapa yang patut ditanya. Mengapa? Ini persoalannya.

Jika diterima hipotesis itu, ertinya kita ada sesuatu yang orang pandang, kita memiliki kemahiran, kita memiliki kepandaian, kita memiliki pengalaman, kita memiliki bukti pelaksanaan dalam usaha membangunkan negara ini.

Malaysia dalam peta dunia memanglah kecil, tetapi Malaysia yang kecil ini diketahui. Semua orang tahu Malaysia. Amerika yang super-power, yang begitu hebat, tahu ada sebuah negara yang bernama Malaysia. Begitu juga dengan England yang pernah menjajah, tahu bahawa Malaysia bukanlah sebuah negara kecil. Begitu juga dengan yang lain.

Malaysia sebuah negara yang amat unik, masyarakat majmuk, berbilang agama, bangsa. Dengan perancangan yang teliti negara ini berjaya dibangunkan, memberikan rakyatnya kenikmatan yang diperlukan, keharmonian. Walaupun kadang kala berlaku sedikit kekeruhan, tetapi cepat dapat diatasi. Ertinya kita ada kemahiran ini.

Dalam perkara lain, orang luar memerhatikan bahawa pencapaian yang dihadapi Malaysia berlaku tahap demi tahap. Kalau direnung dari segi sejarah, dalam usaha mendapat keamanan ini, 12 tahun kita berhadapan dengan pengganas komunis yang cuba menjatuhkan kerajaan. Ternyata walaupun mereka ganas tetapi gagal menawan hati rakyat dan kerajaan yang berkuasa berjaya berhadapan dengan pengganas ini, bukan saja menghapuskan malah dapat menyelami akar umbi. Kita dapat mengetahui punca timbulnya pengganas.

Seperti kata orang tua-tua untuk merawat penyakit kita rawat puncanya. Kita tahu puncanya kerana orang tak puas hati. Puak yang mengganas ini dan berselindung di sebalik nama komunis ini adalah kerana tidak puas hati dan kita dapat mengatasinya. Hingga sekarang anak-anak pengganas ini hidup selesa dan tidak ingin mengulangi cerita lama.

Ini pengalaman berharga dan orang perhatikan perkara ini. Malaysia berjaya sebegitu rupa. Selepas itu, pelbagai cabang pula dan dalam konteks keganasan ini tak habis-habis. Kita dilanda oleh elemen keganasan yang menggunakan agama umpamanya, sebagai alasan untuk menjatuhkan kerajaan yang menggunakan pelbagai nama dan kumpulan. Kita juga ada pengalaman ini dan ada kemahiran untuk mengatasinya satu demi satu. Ini juga diperhatikan orang.

Kemudian pembangunan yang kita adakan. Saya masih ingat ketika kedatangan Presiden Yasser Arafat tahun lalu, yang mana saya menjadi menteri pengiring. Ketika dalam perjalanan dari lapangan terbang ke hotel penginapannya, beliau pegang tangan saya, beliau berkata: "Malaysia yang aku kagumi, setiap kali aku datang ada saja perubahan." Inilah yang orang perhati, baik dunia Barat atau dunia Timur, nampak perkara ini semua.

Gabungan elemen inilah menyebabkan mata Pope John Paul II umpamanya

terpegun kepada Malaysia dan nampak di Malaysia ini ada seorang pemimpin yang tidak boleh diketepikan begitu saja, ada wibawanya, ada kemampuannya untuk bercakap bagi pihak dunia Islam.

Bagaimana pula Datuk melihat sikap pemimpin Arab berhubung pertemuan ini yang mana ia diadakan dengan pemimpin Islam dari luar lingkungan negara-negara Arab?

Daripada apa yang saya ketahui, terutama di Muktamar Menteri-Menteri Agama dan Wakaf yang diadakan di sini, baru-baru ini, mereka menghormati Malaysia dan melahirkan rasa terharu dan penghargaan yang tinggi kepada Malaysia dalam serba-serbi. Bermakna mereka tumpang bangga dengan Malaysia, bangga kerana Malaysia dapat menunjukkan dan menyerlahkan bagaimana sepatutnya sebuah negara Islam itu. Dari segi pembangunannya, dari segi keharmonian dan kedamaiannya, pandangan jauhnya, dari segi membina umatnya, walaupun dari segi materialnya, tetapi tidak pula dilupakan pembangunan rohaninya.

Satu perkara yang akan dibincangkan pada pertemuan itu nanti ialah isu Palestin. Bagaimana Datuk melihat fungsi Malaysia dalam perkara ini?

Simpati kita terhadap perjuangan rakyat Palestin sudah lama. Sejak wujud isu itu sendiri, pendirian kita amat tegas dan jelas sekali. Semua dunia tahu, bukan saja orang Palestin tetapi masyarakat Arab. Semua orang tahu hubungan di antara Perdana Menteri dan Presiden Yasser Arafat amat baik dan segala hal diadukan. Kita juga sentiasa membantu mereka dari semasa ke semasa, dari segi diplomatiknya. Kalau kita ingat, Malaysia adalah negara terawal yang membuka kedutaan Palestin di negara ini sebelum negara lain. Dengan pertemuan antara dua pemimpin ini adakah ia akan membuahkan sesuatu terhadap isu Palestin?

Ya, isu yang dihadapi oleh rakyat Palestin adalah isu yang dikongsi bersama oleh masyarakat Islam dan Kristian. Ini kerana di Palestin ada gereja dan masjid dan tempat yang suci di kalangan orang Kristian dan Islam bahkan Baitulham adalah tempat kelahiran Nabi Isa AS dan Masjidil Aqsa adalah tempat perhentian sebentar Nabi Muhammad SAW dalam peristiwa Israk dan Mikraj. Ini semua ada rentetan sejarah yang begitu kuat, baik di kalangan orang Kristian dan Islam. Ada kepentingan bersama.

Ini ertinya masing-masing ada kepentingan dan dari segi kemanusiaan siapa pun tidak dapat menerima tindakan ganas, liar dan buas Ariel Sharon terhadap rakyat Palestin yang beragama Islam dan juga orang Kristian. Oleh itu, ini adalah titik pertemuan bagaimana kita harus menangani masalah ini bersama. Ini bukan kerana bencikan orang Yahudi tetapi Israel. Mengapa tidak kita berkongsi pandangan ini dan cari pendekatan yang boleh kita lakukan bersama untuk menghadapi perkara ini dan pada masa sama kita boleh memencilkan Israel.

Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor ada berkata bahawa Pope John Paul II itu sendiri ada masalah seperti isu salah laku paderi. Bagaimana Datuk melihat perkara ini?

Itu soal lain. Itu soal dalam agama dia, kita bukan hendak campur tangan. Itu bukan urusan kita. Pertemuan berkenaan bukan untuk cerita itu. Kita tak usik yang itu, serupa juga mereka tak akan usik pasal Islam. Pemergian Perdana Menteri ke Vatican City bukan bertujuan untuk mengislamkan Pope John Paul II dan begitu juga dengan beliau bukan hendak mengkristiankan kita. Yang penting ialah kita kongsi apa yang patut kita kongsi dalam menghadapi keadaan seperti ini.

(END)